



JABATAN KEWANGAN NEGERI
TINGKAT 23,
KOMPLEKS TUN ABDUL RAZAK (KOMTAR)
PETI SURAT 3007
10990 PULAU PINANG
TEL : 604-262 3505 (PEJABAT AM)
FAKS : 604-263 0725
604-261 4399



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO. : QMS 02304

Ruj. Kami : JKNPP/03/07/1 Jld.3(61)

Tarikh : 03 Disember 2018
25 Rabiulawal 1440H

Semua Ketua Jabatan, Negeri Pulau Pinang

Y.B. Dato'/Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

**PEMBERIAN BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN
2018 KEPADA ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Berdasarkan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada 23 November 2018 dan telah disahkan pada 28 November 2018 telah bersetuju dengan Pemberian Bantuan Khas Kewangan Kedua Tahun 2018 (BKK – 2) kepada Anggota Perkhidmatan Awam Negeri meliputi Kumpulan Pelaksana, Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pengurusan Tertinggi sebanyak **setengah bulan gaji** atau minimum **RM1,000.00**. **Surat daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri bilangan (15) dalam PSUKPP/01/0755/3 Jld.7 bertarih 30 November 2018 hendaklah dirujuk.**
3. Sehubungan itu, bagi persediaan **Pembayaran Bantuan Khas Kewangan** di Pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang, kerjasama daripada pihak Y.B.Dato'/Y.Bhg.Dato'/Tuan/Puan adalah diperlukan dalam mematuhi tatacara pembayaran yang ditetapkan.

Ruj. Kami : JKNPP/03/07/1 Jld.3(61)

Tarikh : 03 Disember 2018
25 Rabiulawal 1440H

4. Berikut adalah tatacara pembayaran yang perlu dipatuhi bagi tujuan pembayaran Pemberian Bantuan Khas Kewangan Tahun 2018 :-

- a. Cetak laporan gaji G004 (Senarai Edit Pemberian Bayaran Khas Prestasi).
- b. Kemaskini di laporan berkenaan dengan memotong nama pegawai yang tidak layak dan juga amaun yang perlu dilaraskan (bagi pegawai yang tidak cukup bulan perkhidmatan).
- c. Jabatan juga perlu mengedit maklumat di laporan ke dalam sistem SPEKS melalui butang Penyelenggaraan Bonus/Bantuan Khas.
- d. Laporan gaji G004 yang telah diedit perlu disahkan oleh Ketua Jabatan seperti berikut dan dihantar ke Unit Gaji, Bahagian Pengurusan Bendahari Negeri.

“Disahkan bahawa semua maklumat dan pembetulan adalah betul. Sekiranya terdapat sebarang bayaran terlebih dilakukan, maka Jabatan ini bertanggungjawab untuk mendapatkan kembali amaun tersebut”.

.....

(Tandatangan & Cop Jabatan)

- e. Pastikan semua tindakan di atas dibuat selewat-lewatnya pada **11 Disember 2018 (Selasa) sebelum jam 12.00 tengahari.**

5. Bayaran Pemberian Bantuan Khas Kewangan akan dibayar mulai **20 Disember 2018 (Khamis)** dan adalah menjadi tanggungan jabatan di mana pegawai berkhidmat pada bulan pembayaran.

Ruj. Kami : JKNPP/03/07/1 Jld.3(61)

Tarikh : 03 Disember 2018
25 Rabiulawal 1440H

6. Bagi tujuan pembayaran Pemberian Bantuan Khas Kewangan Tahun 2018 ini, jabatan dikehendaki menyediakan Kew.8 (manual) dan merekodkan di dalam Buku Perkhidmatan pegawai perkhidmatan awam. Bagi pembayaran Pemberian Bantuan Khas Kewangan Tahun 2018 yang dibuat melalui **baucar berasingan**, sila lampirkan salinan Kew.8 dan penyata pengiraan sebagai dokumen sokongan bersama baucar bayaran tersebut.

7. Kerjasama Y.B.Dato'/Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan dalam perkara ini diucapkan terima kasih jua.

Sekian.

"CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya Yang menjalankan Amanah,



[MOHD AMRAN BIN ABD GHANI C.A (M)]

Bendahari Negeri,
Pulau Pinang.

☎ : **604-2623505**

✉ : **mohdamran@penang.gov.my**

s.k : Y.B Pegawai Kewangan Negeri

Timbalan Pegawai Kewangan Negeri

zu/bkk/dis/2018